

Daripada : Unit Rekod, Peperiksaan & Penerbitan
Kepada : Pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang
Tarikh : 7 Januari 2025
No. Memo : HEA/2025 – 004(02)
Perkara : Pelajar Berkeperluan Khas Bagi Peperiksaan Akhir Februari 2025

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Merujuk kepada Kalendar Akademik Sesi I 2024/2025 Program Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, dan Kedoktoran bertarikh 11 Julai 2024 yang telah dikeluarkan oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Shah Alam, tarikh Peperiksaan Akhir Februari 2025 ialah dari 3 sehingga 20 Februari 2025.

Untuk makluman, Manual Peperiksaan Akhir UiTM Tahun 2012 telah memperuntukkan tambahan masa dan kebenaran menggunakan komputer riba bagi pelajar berkeperluan khas. Pelajar berkeperluan khas merupakan pelajar OKU atau pelajar yang mempunyai sesuatu masalah kesihatan yang boleh memberi kesan dari segi kelancaran atau mengalami kesukaran jika menjawab soalan peperiksaan melalui tulisan biasa.

Pelajar yang berkaitan perlu mengambil tindakan berikut:-

1. Isi Borang Permohonan Pelajar Berkeperluan Khas (UiTMPP/HEA/UPep./16) serta lampirkan salinan Kad OKU/ Pengesahan Doktor/ Laporan Perubatan/ dokumen berkaitan bagi tujuan pengesahan.
2. Dapatkan pengesahan daripada Penasihat Akademik.
3. Hantar borang yang telah lengkap diisi ke Bahagian Hal Ehwal Akademik **selewat – lewatnya pada 17 Januari 2025; 12.00 tengah hari**. Permohonan yang lewat daripada masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Keputusan permohonan akan dimaklumkan menerusi emel rasmi pelajar sebelum peperiksaan bermula.
4. Pelajar yang terlibat dalam kemalangan dan disahkan mempunyai masalah kesihatan sehingga memerlukan pelajar dikategorikan pelajar berkeperluan khas selepas daripada tarikh yang dinyatakan pada Perkara 3, pelajar perlulah memaklumkan kepada Unit Rekod, Peperiksaan dan Penerbitan dengan segera.

Sila ambil maklum bahawa permohonan yang dimajukan pada hari peperiksaan **TIDAK AKAN DILAYAN**. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Unit Rekod, Peperiksaan & Penerbitan menerusi talian 04-382 3193 atau emel kepada resexam@uitm.edu.my.

Sekian.



PROF. MADYA Ir. Ts. Dr. HAJAH SITI NORAINI SULAIMAN
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

MUKA SURAT 1/1

BORANG PERMOHONAN PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS PEPERIKSAAN



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh
Kampus Bertam



Peperiksaan : _____

Nama Pelajar : _____

No. Pelajar : _____ No. Telefon : _____

Kod Program : _____ Semester : _____

Keperluan (Tandakan /) : ☐ Masa Tambahan ☐ Komputer Riba

Kategori Pelajar (Tandakan /) : ☐ OKU (Kategori : _____)
(No. Kad Oku: _____)

☐ Kemalangan
(Keadaan Semasa: _____)

☐ Masalah Kesihatan
(Nyatakan masalah Kesihatan: _____)

(Sila lampirkan Salinan Kad OKU/ Pengesahan Doktor/ Laporan Perubatan/ dokumen berkaitan)

Saya seperti nama di atas dengan sedar dan tanpa paksaan dari mana-mana pihak menyedari maklumat yang diberikan ini adalah benar. Saya faham jika maklumat yang diberikan adalah palsu, saya boleh disabitkan dibawah Akta Institusi – Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 (Akta 174).

Yang benar,

Tarikh:

PENGESAHAN PENASIHAT AKADEMIK

Saya _____, (No. Pekerja : _____)
merupakan Penasihat Akademik kepada pemohon ini mengesahkan kategori dan keadaan semasa pelajar serta keperluan bagi menduduki peperiksaan seperti yang dinyatakan.

Yang benar,

Tarikh:

UNTUK KEGUNAAN BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK

Keputusan Permohonan : **LAYAK / TIDAK LAYAK**

Catatan : _____

Tandatangan Penolong Pendaftar:

Tarikh :